BAB 4

KEBUDAYAAN TIMUR DAN BARAT DAN FALSAFAHNYA

4.1 Himpitan dan Desakan

"Saat perubahan penting dalam sejarah" kebanyakan waktunya tidak dapat dijangka oleh kebijaksanaan manusia. Kadang kala pada suatu zaman, gerakan yang hangat lagi menonjol, dalam sekelip mata akan hilang lenyap; ataupun sekali-sekala pada suatu era, idea/konsep penting yang tidak diketahui ramai, dengan tiba-tiba umpama gunung berapi meletus dan merenjatkan era tersebut.
Secara kebetulan, saya dilahirkan ketika China adalah huru hara. Pada era ini, tamadun tradisional Cina digoncang dari akar umbinya; idea serta konsep asing bagaikan ribut kencang dan hujan badai menghujani zaman ini. Para intelektual pada era ini dapat merasai pelbagai cabaran pemikiran akademik ... ... ini menyebabkan intelektual yang berada dalam lubuk tersebut berasa pening kelam dan tidak dapat menyesuaikan diri. Dalam pengumbang-ambingan sebegitu, setiap individu yang berusaha mencari jalan keluar, tersepit di antara harapan dan kekecewaan, teriakan dan kekeliruan, pesimis dan optimis, ...[1]

Petikan di atas merupakan kata-kata akhir daripada seorang sarjana Cina, Yin Haiguang (1919-1969) yang menghidapi kanser perut dan sedang berjuang dengan ajalnya.[2] Kata-kata beliau jelas menggambarkan situasi gerakan 4 Mei dan lubuk jiwa intelektual-intelektual waktu itu, termasuk Liang Shuming. Namun begitu, Liang Shuming dapat dikatakan lebih bernasib baik jika dibandingkan dengan Yin Haiguang, kerana karyanya *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* menjadi perwatakan penting di pentas sejarah, selain nama beliau terharum pada ketika itu. Sebaliknya, Yin Haiguang tidak berkesempatan memperkembang dan merealisasikan kareer akademik serta wawasannya yang menggunung tinggi. Sungguhpun begitu, asas

---

[1] Yin Haiguang, *Haiguang Wenxuan-Zixu* (Karya-karya Haiguang-Prakata) dipetik daripada Yin Haiguang dan Lin Yusheng, *Yin Haiguang Lin Yusheng Shuxin Lu* (Koleksi Surat-semurat antara Yin Haiguang dan Lin Yusheng) (Shanghai: Shanghai Yuandong Chubanshe, 1994), hlm. xx-xxi.
[2] Rujuk Li Ao, *Li Ao Yulu-2* (Koleksi Kata-kata Li Ao-2) (Hong Kong: Boyi Chuban, 1989), hlm. 123-130 dan Lin Yusheng, *Relie yu Lengjing* (Keghairahan dan Ketenangan) (Shanghai: Shanghai Wenyi Chubanshe, 1998), hlm. 69-77 dan 80-90 untuk memperolehi potret dan profil yang menarik mengenai riwayat Yin Haiguang

Liang Shuming mengambil inisiatif untuk menghasilkan karya agungnya agak serupa dengan situasi terdesak yang digambarkan dalam kata-kata akhir Yin Haiguang tersebut; mengenai penghasilan itu, beliau mengatakan bahawa:

> Pada ketika itu, arus pemikiran mengutarakan pemikiran moden Barat (sains dan demokrasi), di samping mengimport pelbagai idea-idea sosialisme. Walaupun diri saya tidak mengambil hati terhadap arus pemikiran tatkala itu, namun persekitaran dan suasana menyebabkan saya sebagai orang yang mengajar falsafah Timur, secara tidak ketara mempunyai tekanan [ke atas diri saya]. Justeru dalam tekanan begitulah terhasilnya buku *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya.*[3]

Berdasarkan petikan di atas, didapati bahawa transisi pemikiran Liang Shuming ketika mengarya *Peninjauan Kebenaran dan Penyelesaiannya* yang menunjukkan kesungguhan beliau dalam Buddhisme yang mengutarakan manusia tidak sepatutnya banyak campur tangan dan bersikap pasif terhadap hal-hal duniawi, telah beralih ke pendirian yang menggalakkan keprihatinan bersungguh-sungguh terhadap hal ehwal duniawi. Transformasi pemikiran beliau memaparkan corak pemikiran seseorang tidak semestinya statik pada sesuatu tahap, sebaliknya ia akan sering berubah-ubah kerana himpunan pengalaman dan persekitaran makro yang senantiasa memberi stimuli terhadap pemikiran seseorang.

Pada sekelip mata, pemikiran Liang Shuming kelihatan amat kompleks, namun disebabkan kerumitan itulah yang mendorong beliau berusaha mencari suatu penyelesaian baru, dan terhasilnya *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya.*[4] Walaupun daripada *Peninjauan Kebenaran dan Penyelesaiannya* ke *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* menunjukkan perubahan pemikiran Liang Shuming

---

[3] Liang Shuming, *Yiwang Tanjiu Lu* (Rekod Kenangan Silam) (Beijing: Wenshi Chubanshe, 1987), hlm. 27.

[4] Wu Dongsheng, *Xiandai Xinrujia Rensheng Zhexue Yanjiu* (Kajian Kontemporari Falsafah Kehidupan Neo-Konfusianisme) (Shenyang: Liaoning Daxue Chubanshe, 1994), hlm. 79-80

yang ketara, namun persoalan kehidupan manusia dan penyelesaian bagi masalah-masalah China masih merupakan tonggak utama pemikirannya:

> Mengimbas kembali pemikiran dan pencarian jalan penyelesaian saya terhadap persoalan China serta kehidupan manusia, telah mendorong saya melakukan sesuatu yang konkrit, misalnya jika persoalan China telah mengambil tempat dalam jiwa saya, justeru saya menyertai Revolusi 1911, menjadi wartawan, memasuki Universiti Beijing mengajar; jika persoalan kehidupan manusia telah mengambil tempat, maka saya tidak berniat berkahwin, menjadi vegetarian, ingin menjadi sami. Kedua-dua persoalan itu saling berkontradiksi dan senantiasa beredar dalam diri saya. Kemudian, persoalan China kian menerajui, persoalan kehidupan manusia kian menduduki tempat yang kedua pentingnya.[5]

Kata-kata di atas menandakan walaupun idea seseorang akan sering berubah, namun akar tunjang pemikirannya tidak akan mudah terkikis. Dengan itu, pemikiran Liang Shuming semakin hari kian matang, begitu juga dengan jiwa dan matlamat utama beliau semakin jelas. Kalakian pada musim panas tahun 1919, beliau mula merangka dan menulis *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* Baginya, buku itu terhasil disebabkan keprihatinan dan luahannya terhadap pelbagai persoalan setelah sekian lama memikirkannya. Malah, beliau menyifatkan dirinya seorang yang tidak mudah meluahkan pendapat sendiri, tetapi setelah lama menekan perasaan, dengan tidak sengaja beliau berkeputusan untuk menghasilkan *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya*.[6]

---

[5] Selain itu, faktor milieu Universiti Beijing (ketika Liang Shuming berkhidmat di situ), yakni dasar akademik liberal yang diamalkan oleh Cai Yuanpei, membolehkan intelektual-intelektual Cina berkesempatan menikmati manfaat kebebasan akademik dan menjadikan Universiti Beijing suatu institusi pengajian tinggi liberal yang dapat menyerap pelbagai jenis idea, pendapat dan intelektual yang berbeza-beza pendirian. Justeru, atas keikhlasan Cai Yuanpei, Liang Shuming akhirnya berjanji memasuki Universiti Beijing. Rujuk Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming) (Hunan: Hunan Chubanshe, 1992), hlm. 30 dan 32-34.

[6] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue-Daoyan" (Pengenalan Kebudayaan dan Falsafah Timut-Barat), *LSQ*, 1990, 1: 254.

4.2 Saranan Idea Hala Tuju Kebudayaan Timur dan Barat

Sejak pertengahan abad ke-19, China di bawah arus pertembungan dengan kuasa-kuasa barat, mulai mengalami suatu proses disintegrasi yang berpanjangan. Dalam aspek sistem sosial tradisional dan norma-norma masyarakat, bermula daripada kekeluargaan, perkahwinan, sistem persekolahan sehingga tatatertib sosial, antara kesemuanya tiada satu pun yang dapat bertahan. Di samping itu, sistem politik dan kebudayaan tradisional serta tatatertib etika turut kian mengalami kemerosotan. Ini bermakna pada gerakan 4 Mei, China berada dalam krisis trilipat: politik, sosial dan kebudayaan. Institusi-institusi lama dan orde kehidupan selama ini mulai dipersoalkan, maka mereka akan mencari suatu rumusan ideologi yang sistematik dan dijadikan pedoman mantap dalam menyelesaikan persoalan mereka.[7]

Dengan demikian, sesetengah intelektual gerakan 4 Mei telah mendukung saintisme dan mempercayai ia dapat menyelamatkan China.[8] Di samping saintisme semakin diterima oleh intelektual-intelektual gerakan 4 Mei, terdapat juga reaksi kuat yang tidak begitu menyetujui dengan pendukungan saintisme yang keterlaluan. Oleh itu, karya Liang Shuming, *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* bertujuan menyediakan suatu pendekatan alternatif selain daripada saintisme—beliau telah dianggap sebagai tonggok konservatisme kerana ideanya yang mendukung Konfusianisme serta berkeyakinan tinggi terhadap tradisi Cina.[9]

---

[7] Clifford Geertz, *The Interpretation of Cultures* (London: Hutchinson & Co. Ltd., 1975), hlm. 218.

[8] Intelektual-intelektual yang mendukung saintisme memandang sains sebagai sistem alam semula jadi yang maha-terkandung (*all inclusive*)—bukan hanya dapat memberitahu manusia perihal realiti secara objektif mengenai semesta fizikal, malah dapat menyediakan suatu pandangan kehidupan dan sosial. Selain itu, mereka yakin sains merupakan suatu mod pemikiran, satu-satunya metodologi sahih yang dapat memahami kehidupan dan dunia. Lihat Charlotte Furth, *Ting Wen-chiang: Science and China's New Culture* (Cambridge, Mass.: Harvard University Press, 1970), hlm. 14-15; D.W.Y. Kwok, *Scientism In Chinese Thought, 1900-1950* (New Haven: Yale University Press, 1965), hlm. 3-30.

[9] Ramai sarjana kontemporari memandang konservatisme sebagai suatu kompleks psikologi yang menganggap bahawa sebenarnya peradaban Cina adalah setanding dengan peradaban Barat, malah lebih unggul daripada Barat setelah mengalami krisis identiti kebudayaan. Namun, konsep

dengan golongan konservatif (membantah apa-apa perubahan dilakukan ke atas kebudayaan Cina) ataupun berpendirian seperti John Dewey dan Bertrand Russell yang mengusulkan suatu "pengisaran" (*blending*) antara kebudayaan Timur dan Barat, sungguhpun Bertrand Russell sendiri tidak begitu optimis terhadap peluang termakbulnya "pengisaran" tersebut.[12]

Perihal kebudayaan, Liang Shuming berpendapat tidak kira betapa majunya kebudayaan Barat apabila dibandingkan dengan kebudayaan Timur, China tidak seharusnya meneladani kesemua aspek kebudayaan Barat. Misalnya, jikalau sistem politik China digubal dan mencontohi demokrasi Barat, tetapi tanpa mengubah cara hidup dan tabiat orang Cina yang telah begitu lama dipengaruhi oleh kebudayaan Timur, sebarang pendekatan penyelesaian takkan berjaya menyelesaikan kemelut China, sebaliknya akan memperdalam jurang konflik kedua-dua kebudayaan itu.[13] Keadaan begitu sememangnya tidak dapat diabaikan kerana sebarang "pemindahan" (*transplantation*) mahupun pinjaman kebudayaan asing secara ghairah dan tergesa-gesa tanpa mempertimbang kesesuaiannya dengan kebudayaan induk merupakan tindakan yang tidak rasional.

Dalam pada itu, Liang Shuming mengakui bahawa jika diteliti dari aspek kerohanian, kebendaan dan kehidupan sosial, sememangnya kebudayaan Timur tidak

---

[12] Pada tahun-tahun 1919-1920, John Dewey telah menyarankan suatu sintesis antara peradaban Timur dan Barat ketika berada di Universiti Beijing. Manakala Bertrand Russell yang menjadi pensyarah lawatan di Universiti Beijing telah memuji-muji kelebihan kebudayaan Cina, mencadangkan China supaya menyerap sains dan teknologi Barat di samping mengekalkan keunggulan kualiti etika serta cara hidup Cina. Penerangan lanjut berkaitan idea-idea Russell untuk mensintesiskan peradaban Cina dan Barat dapat merujuk kepada karya beliau yang diterbitkan sekembalinya ke England yang berjudul *The Problem of China* (London: George Allen & Unwin Ltd., 1922).

[13] Xiong Lumao, *Liang Shuming de Wenhua Sixiang yu Zhongguo Xiandaihua* (Pemikiran Peradaban Liang Shuming dan Modenisasi China) (Hunan: Hunan Jiaoyu Chubanshe, 2000), hlm. 112.

setanding kebudayaan Barat. Malahan, demokrasi dan sains merupakan suatu kelebihan istimewa Barat.[14] Di samping itu, beliau jelas menunjukkan bahawa:

> Tidak kira kebudayaan yang berasal dari Timur ataupun Barat, aspek kerohanian dan kebendaan adalah saling berkaitan, lebih-lebih lagi kerohanian merupakan asas [kebudayaan], adalah tidak logik apabila salah satu aspek telah uzur, aspek lain masih dapat kekal. Oleh yang demikian, transformasi hendaklah dilakukan dari akar umbinya.[15]

Pandangan Liang Shuming di atas memaparkan beliau menyedari perkembangan kebudayaan Cina telah menemui suatu kesempitan yang genting. Beliau berpendapat jika kebudayaan Cina ingin terus-menerus berkembang, ia seharusnya bersedia mencari peluang-peluang baru untuk menemui jalan keluar dan bukannya duduk diam membatu menanti-nantikan pemulihan.[16] Ini bermakna demi masa depan perkembangan kebudayaan Cina, orang Cina tidak sepatutnya hanya berpegang teguh pada tradisi-tradisi lama, sebaliknya perlu menjalani transformasi, yakni berlandaskan asas tradisi lama, kekreatifan dilakukan terhadap asas tersebut.

Pemikiran Liang Shuming yang dihalusi sebelum ini jelas menandakan beliau tegas memandang kebudayaan secara holistik dan tidak menyetujui dengan pendekatan yang berangganpan kebudayaan sebagai sesuatu yang dapat dipecah bahagi ataupun kisar-mengisar. Dengan itu, beliau telah mendefinisikan peradaban dan kebudayaan sebagai cara hidup sesuatu suku kaum. Menurut beliau, secara ringkasnya kepelbagaian aspek kehidupan manusia tidak terkecuali daripada tiga bahagian, yakni:

> (1) Aspek kerohanian yang merangkumi agama, falsafah, sains dan kesenian. Di samping itu, agama dan kesenian lebih bersifat emotional, manakala falsafah dan sains lebih berkecenderungan rasionaliti.

---

[14] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 370.
[15] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue Jiangyan Lu" (Rekod Ucapan Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 4: 584.
[16] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 343

(2) Kehidupan sosial dan individu/pihak di persekitaran kita, misalnya kaum keluarga, sahabat handai, masyarakat, negara, dunia—cara kehidupan [dan integrasi] antara kita dengan mereka sememangnya merupakan salah satu aspek kehidupan sosial, begitu juga dengan organisasi masyarakat, kebiasaan etika, sistem politik dan ekonomi.
(3) Aspek material seperti makan minum, kepelbagaian nikmat kebendaan dan cara-cara manusia berjuang dengan alam tabii untuk terus hidup.[17]

Takrifan Liang Shuming terhadap kehidupan yang terkandung dalam sesuatu kebudayaan meliputi skop yang luas. Selanjutnya, beliau telah menambah bahawa kehidupan merupakan tekad minda (*will*) manusia yang tiada batasnya.[18] Beliau turut mengatakan tekad minda yang dimaksudnya agak mirip dengan idea tekad minda Arthur Schopenhauer (1788-1860).[19] Di samping itu, tekad minda berkait-rapat dengan samada ianya telah dipenuhi atau tidak. Kalakian, suku kaum yang berbeza akan memaparkan sifat-sifat khas yang berlainan kerana masing-masing mempunyai tekad minda yang tersendiri dan bercapah mengikuti landasan tekad minda masing-masing.

Konsep "tekad minda" yang diterangkan oleh Liang Shuming turut seperti idea Schopenhauer, merupakan istilah yang kaya makna dan mengelirukan. Jika diteliti, tekad minda yang diutarakan oleh Liang Shuming membawa erti sebagai suatu tekad minda buta (*blind will*), suatu batin dalaman (*spirit*), suatu kecenderungan (*tendency*), sikap dan motif; kadang kala ia juga bersifat sesuatu realiti yang

---

[17] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, hlm. 1: 339.
[18] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 352.
[19] Pada kebiasaannya, konsep "tekad minda" (*will*) yang kita fahami adalah ia merupakan suatu keputusan/tindakan secara sedar diri dan sengaja untuk berkelakuan dalam cara tertentu. Selain itu, tekad minda dianggap sebagai agen intelek manusia dan daya yang dimiliki oleh seseorang yang rasional. Manakala, tekad minda yang dimaksudkan oleh Schopenhauer merupakan sifat tabii dalaman yang terdapat pada segala-galanya yang wujud dalam dunia. Di samping itu, hanya wujud satu tekad minda sahaja, di mana setiap benda dalam alam merupakan manifestasi istimewa tekad minda tersebut. Ini bermakna bagi Schopenhauer, tekad minda tidak hanya terhad kepada individu yang rasional, tetapi turut wujud dalam binatang dan benda tidak bernyawa. Rujuk Arthur Schopenhauer, *The World as Will and Idea* (London: Routledge & Kegan Paul Ltd., 1950), 1: 142-143; Samuel Enoch Stumpf, *Philosophy: History & Problems* (New York: McGraw-Hill, 1994), hlm. 347-350.

transendental (*transcendental reality*).[20] Meskipun begitu, jika kita meninjau dari sudut yang berlainan, tekad minda juga merupakan suatu sumber daya kreatif dan mata air yang segar pugar lagi optimis dalam kehidupan manusia. Dalam erti kata lain, tekad minda yang dikemukakan oleh Liang Shuming tidak terhad makna dan interpretasinya.

Alhasil, beliau telah membina struktur idea perdananya seperti rajah berikut:

Rajah 1 Hubungan antara tekad minda, kehidupan dan kebudayaan

Rajah di atas menunjukkan setelah Liang Shuming memantapkan tekad minda akan mempengaruhi corak kehidupan dan seterusnya kebudayaan, beliau telah meneruskan tesisnya dengan mengatakan bahawa:

> Rata-ratanya suku-suku kaum di dunia ini, secara umum kesemuanya menjalani kehidupan, kenapa masing-masing memaparkan corak yang berlainan dan membentuk ciri-ciri istimewa yang tersendiri, [sebenarnya] ini disebabkan tekad minda primernya telah mencapah ke arah yang berbeza, lalu memperlihat corak-corak yang beraneka. Justeru, jika kita ingin mencari akar umbi sesuatu kebudayaan, kita hanya perlu meneliti punca asali tekad mindanya. ... ... [Selain itu] daripada keistimewaan-keistimewaan sesuatu kebudayaan yang telah diketahui, kita juga dapat memutuskan titik tolak [tekad minda] kebudayaan itu dengan mudah sekali.[22]

---

[20] Lin Anwu, *Xiandai Ruxue Lunheng* (Artikel-artikel mengenai Konfusianisme Kontemporari), hlm. 59. Manakala, Schopenhauer menjelaskan tekad minda sebagai suatu "daya desakan buta yang tidak terhenti-henti" (*a blind incessant impulse*) dan suatu yang "berjuang tanpa kesudahan" (*endless striving*). Rujuk Arthur Schopenhauer, *The World as Will and Idea*, 1: 213; Samuel Enoch Stumpf, *Philosophy: History & Problems*, hlm 350.

[21] Liang Shuming telah membezakan serba sedikit antara kebudayaan dan peradaban; di mana peradaban merupakan suatu pencapaian yang dikecapi oleh manusia dalam kehidupan, sebagai contoh tembikar buatan China dan sistem politiknya adalah sebahagian daripada peradaban Cina. Manakala tekad minda dan cara kehidupan yang lebih abstrak merupakan kebudayaan. Namun, beliau menyimpulkan bahawa perbezaan tersebut bagaikan suatu objek dipandang daripada dua perspektif yang berlainan. Lihat "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 380.

[22] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 352.

Daripada kata-kata Liang Shuming, didapati premis beliau mengutarakan suku kaum sebagai unit asas kebudayaan, dan garis pemisah antara suku kaum adalah kebudayaan yang berlainan. Dengan itu, sari pati konsep kebudayaan akan mula berkembang daripada idea nuklues ini. Dalam kata lain, setelah memahami idea tekad minda Liang Shuming, jika kita berhasrat mengetahui keunikan kebudayaan atau kebudayaan sesuatu suku kaum, penelitian terhadap titik tolak tekad minda dan cara hidupnya sudah memadai.

Pada dasarnya, definisi dan penjelasan yang dikemukakan oleh Liang Shuming terhadap kebudayaan tidak banyak berbeza dengan arena akademik Barat. Justeru, apabila kita merujuk kepada ilmu anthropologi, kebudayaan ditakrifkan sebagai tingkah laku yang dibelajari, dikongsi bersama dan diperolehi oleh manusia melalui masyarakat.[23] Manakala, takrifan lain menyatakan kebudayaan/peradaban sebagai"*[ianya] meliputi nilai-nilai, norma-norma, institusi-institusi dan cara-cara pemikiran dalam sesebuah masyarakat di mana generasi-generasi berikutnya amat mementingkannya [elemen-elemen peradaban tersebut].*"[24] Bagi Fernand Braudel (1902-1985), seorang sejarahwan termasyhur Perancis, beliau menyifatkan peradaban sebagai "*suatu 'kawasan kebudayaan'*", "*suatu koleksi ciri-ciri keistimewaan kebudayaan dan fenomena.*"[25]

---

[23] Lowell D. Holmes, *Anthropology: An Introduction* (New York: The Ronald Press Company, 1965), hlm. 74-76.

[24] Adda B. Bozeman, "Civilizations Under Stress: Reflections on Cultural Borrowing and Survival", *Virginia Quarterly Review*, 51 (Winter 1975), hlm. 1.

[25] "Kawasan kebudayaan" yang dimaksudkan oleh Braudel ialah suatu lokus—dalam lingkungan lokus tersebut, pada tahap tertentu "kawasan kebudayaan" itu akan berkembang tanpa batasan. Tambahan pula, dalam lokus tersebut mengandungi beraneka jenis "barangan"—ciri-ciri kebudayaan yang merangkumi beragam-ragam aspek. Rujuk Fernand Braudel, *On History*, terjemahan Sarah Matthews (Chicago: The University of Chicago Press, 1980), hlm. 177 dan 202.

Berdasarkan takrifan takrifan di atas, suatu perkara utama yang membezakan penakrifan Liang Shuming daripada definisi-definisi Barat ialah beliau telah mencurahkan elemen tekad minda ke dalam tesis kebudayaannya. Hal yang demikian menjadikan metode kajian kebudayaan Liang Shuming tidak serupa dan terhad dengan pendekatan anthropologi ataupun sosiologi yang hanya menumpu pada kebudayaan *per se*; sebaliknya, peninjauan beliau telah melangkaui aspek psikologi dan falsafah.[26] Idea sebegitu benar-benar memberi wajah baru kepada kajian kebudayaan dan menunjukkan hajat beliau yang amat menitikberatkan sifat-sifat batin kebudayaan.

Namun, setakat memahami idea tekad minda adalah tidak mencukupi, sebaik-baiknya perlu mengetahui dengan lebih mendalam mengenai konsep tersebut. Ini kerana tekad minda akan menentukan corak sesuatu kebudayaan, maka dengan sama-sama berdepanan kandungan kehidupan yang sama, tetapi tekad minda yang berbeza akan mengambil pendirian yang berlainan untuk menghadapi situasi kehidupan, di mana tiga jenis haluan kehidupan telah diklasifikasi oleh Liang Shuming, iaitu:

> Pertamanya, mengekalkan haluan yang asal: berusaha gigih untuk mengecapi apa yang dihajatkan, berikhtiar sungguh-sungguh untuk memenuhi keinginan; dalam erti kata lain [tekad minda] mempunyai sikap berjuang.
> Kedua, apabila menghadapi masalah tidak berusaha menyelesaikannya atau mengubah situasi, sebaliknya cuba mencari kepuasan dalam persekitaran yang tidak memuaskan. ... ... [tekad minda] tidak bertekad mengubah keadaan tetapi hanya menyerahkan diri kepada faktor persekitaran. Sikap yang diamalkan untuk menyelesai masalah adalah harmoni dan kesederhanaan sahaja.
> Ketiga, ketika berdepan dengan masalah, ianya hanya akan memikirkan bagaimana untuk menafikan masalah. Ia tidak seperti tekad minda jenis pertama supaya mengubahsuai keadaan, ia juga tidak serupa dengan tekad minda jenis kedua, ... [tekad minda jenis ini] paling mengingkari dan terpesong daripada sifat kehidupan yang sepatutnya.[27]

---

[26] Jing Haifeng dan Li Yeming, *Liang Shuming Pingzhuan* (Biografi dan Kritikan Terhadap Liang Shuming) (Beijing: Renmin Chubanshe, 1999), hlm. 56.
[27] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 381-382

Pandangan beliau di atas bermakna kehidupan manusia di dunia takkan terkeluar daripada lingkungan corak tekad minda yang progresif, ataupun yang bersifat harmoni dan kesederhanaan, mahupun tekad minda yang retrogresif. Selanjutnya, beliau telah menetapkan bahawa pendirian tekad minda haluan kehidupan jenis pertama mewakili Barat, di mana ia merupakan arah normal bagi tekad minda; dan ia juga adalah reaksi manusia terhadap masalah keperluan asas seperti makanan, pakaian serta pembiakan. Dengan kata lain, tekad minda bergerak ke hadapan bertujuan menawan alam semula jadi demi memenuhi hawa nafsu dan berkeupayaan menyelesaikan permasalahan antara manusia dengan kebendaan.

Manakala, haluan tekad minda jenis kedua bergerak ke arah samping demi mengharmonikan dirinya dengan alam tabii supaya mencapai suatu keseimbangan antara keinginan tekad minda dan persekitaran. Oleh itu, tekad minda jenis kedua melahirkan sikap yang mudah puas hati dengan apa yang telah dimiliki, mudah mengecapi ketenangan jiwa, tidak begitu mementingkan nikmat materialistik dan apabila berdepanan dengan sebarang masalah ia tidak semestinya berusaha mengubah situasi yang sedia ada [28] Justeru, tekad minda ini lebih berkebolehan menyelesaikan persoalan hubungan inter-manusia. Dengan berdasarkan ciri-ciri sebegitu, Liang Shuming menyifatkan kebudayaan Cina sebagai epitome tekad minda jenis kedua itu.

Manakala, tekad minda jenis ketiga yang retrogresif diwakili oleh kebudayaan India. Tekad minda jenis ini memandang hina nikmat kebendaan dan kehidupan sosial. Dalam aspek kerohanian pula, keagamaan menjadi tumpuan terutama dan mempercayai manusia akhirnya akan memahami bahawa dunia hanya merupakan

[28] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 392.

suatu ilusi dan akan beralih mengejar "pencerahan terakhir" (*nirvana*).[29] Namun demikian, arah tekad minda begitu telah terpesong dari landasan kehidupan yang biasa dan keadaan tersebut akan menyebabkan agama berkembang ke suatu tahap yang anomia.[30]

Daripada penelitian terhadap tekad minda, Liang Shuming menegaskan bahawa hala tuju tekad minda amat mustahak dan peninjauan kebudayaannya adalah berdasarkan konsep tersebut.[31] Dengan beralaskan konsepsi tersebut, beliau seterusnya telah mengemukakan ideanya yang terkenal iaitu "Hala Tuju Tiga Kebudayaan". Antaranya, hala tuju yang pertama ialah "tekad minda yang progresif sebagai semangat akar umbinya" yang diwakili oleh kebudayaan Barat; hala tuju yang kedua ialah "tekad minda yang harmoni dan mengekalkan kesederhanaan sebagai semangat akar umbinya" yang merujuk khas kepada kebudayaan Cina dan akhir sekali ialah "tekad minda yang retrogresif sebagai semangat akar umbinya" yang khas ditujukan kepada kebudayaan India.

4.3 Modul Komposit: Kebudayaan Barat, Cina dan India

Dengan peninjauan yang mendalam dan teliti, Liang Shuming selanjutnya memperkembang idea perdananya dengan menonjolkan kelebihan dan kekurangan yang terdapat pada kebudayaan Barat, Cina serta India. Beliau menegaskan bahawa

---

[29] Istilah "pencerahan terakhir" ataupun *nirvana* (bahasa Sanskrit)/*nibbana* (bahasa Pali) merupakan suatu keadaan di mana segala hawa nafsu duniawi telah dihapuskan dan mencapai ketenangan minda yang sempurna. Namun, perlu dijelaskan bahawa hanya hawa nafsu yang dihapuskan dan bukannya minda, kerana manifestasi kebenaran akan direalisasikan setelah keinginan manusia dikikis. Rujuk Hirakawa Akira, *A History of Indian Buddhism: From Sakyamuni to Early Mahayana*, terjemahan dan diedit oleh Paul Groner (Honolulu: University of Hawaii Press, 1990), hlm. 40-41.

[30] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 393.

[31] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 382

perbezaan di antara ketiga-tiga jenis kebudayaan tersebut bukan disebabkan oleh faktor bezaantara masa, sebaliknya berpunca daripada ketidaksamaan pada akar umbi kebudayaan-kebudayaan itu. Justeru, Liang Shuming membidas idea Auguste Comte (1798-1857), seorang ahli falsafah Perancis yang membahagikan sejarah perkembangan manusia sejagat kepada tiga peringkat: teologi, metafizik dan saintifik.[32] Beliau mengulas bahawa:

> Orang Cina tidak sehaluan dengan orang Barat. Disebabkan berjalan perlahan-lahan, maka ketinggalan berbatu-batu [berbanding dengan Barat]. Ini bermakna walaupun bergerak perlahan-lahan akhirnya dapat jua mengejar Barat; tetapi jika masing-masing menuju ke jalan berlainan, mengarah ke haluan berbeza, sungguhpun berjalan lama, pasti takkan sampai ke destinasi Barat![33]

Bagi Liang Shuming, jika mengikut klasifikasi Auguste Comte, China masih tidak terlepas daripada peringkat agama dan metafizik, malah masih ketinggalan jauh daripada Barat yang maju makmur kerana berorientasikan sains. Lantas, beliau menyangkal idea Auguste Comte dengan menyimpulkan bahawa ketiga-tiga hala tuju kebudayaan itu tiada titik persilangan dan akan kekal dengan arah tuju masing-masing.

Sungguhpun begitu, Liang Shuming tidak menafikan kelebihan kebudayaan Barat. Beliau menyedari bahawa metode-metode sains dan kebebasan personaliti individu berkembang merupakan keistimewaan Barat.[34] Tambahan lagi, objektiviti, rasionaliti, pengkhususan dan pendekatan-pendekatan saintifik yang diaplikasi dalam aspek akademik, di samping menghormati kebebasan diri dan mementingkan hak-hak individu telah menggalakkan sains serta demokrasi berputik subur di Barat. Namun,

---

[32] Pada tahun 1822, Auguste Comte mengemukakan ideanya, "Hukum Tiga Peringkat" (*The Law of Three Stages*) yang mengutarakan bahawa proses perkembangan manusia akan melalui tiga peringkat secara berturut-turut—teologi, metafizik dan saintifik. Selain itu, beliau berpendapat bahawa peradaban adalah berasaskan sains dan industri yang tidak pernah berhenti progresif demi mengecapi peringkat saintifik. Malah, standard tersebut merangkumi segala peradaban dunia sejagat dengan masing-masing mempunyai kadar perkembangan yang berbeza. Rujuk Mary Pickering, *Auguste Comte: An Intellectual Biography vol. I* (New York: Cambridge University Press, 1993), hlm. 199-202 dan 207-208.

[33] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 392.

[34] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 370

keadaan yang sebaliknya berlaku di China, Liang Shuming telah memaparkan perbezaan tersebut dengan kiasan berikut:

> [Dalam] Cara perubatan Barat, penyakit yang tertentu pastinya mempunyai cara rawatan yang tertentu dan tidak berbeza banyak; namun bagi perubatan Cina, ... sepuluh orang tabib akan mempunyai sepuluh jenis cara rawatan dan jurang kelainan antara rawatan tersebut adalah amat besar. Ini disebabkan penyakit yang menanti rawatan dan rawatan yang bakal mengubati penyakit tidak berasaskan standard yang objektif. ... ... [tetapi] hanya berdasarkan dugaan yang subjektif![35]

Walaupun kebudayaan Cina kelihatan lusuh berbanding dengan Barat, namun kemajuan Barat turut mempunyai serba kekurangannya.[36] Liang Shuming menambah bahawa meskipun kenikmatan materialistik kebudayaan Cina tidak sekaya kebudayaan Barat, orang Cina berpuas hati dan selesa terhadap keadaan tersebut. Di samping itu, Konfusianisme yang menitikberatkan sifat baik hati dan kemanusiaan (*ren*) telah berkeupayaan mengekalkan tatasusila sosial dan silaturahim antara anggota masyarakat.[37] Sedangkan keghairahan kebudayaan India dalam keagamaan sememangnya tidak dapat disaingi oleh kebudayaan Cina dan Barat kerana hala tuju sebegitu memerlukan keberanian dan ikhtikad yang tinggi supaya sanggup menjalani kehidupan zahid (*asceticism*) dan menumpukan sepenuh perhatian pada aspek kerohanian.[38]

---

[35] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 354.

[36] Liang Shuming berpendapat walaupun pencapaian Barat perihal ilmu pengetahuan dan sains yang begitu cemerlang sememangnya tidak dapat ditandingi oleh mana-mana peradaban lain, tetapi pada masa yang sama Barat turut mengalami "cedera" dalam kerohanian sejak abad ke-19. "Cedera-cedera" tersebut termasuklah aspek keagamaan, falsafah Barat yang begitu berorientasikan materialisme, kapitalisme dan industrialisasi secara besar-besaran telah mengakibatkan manusia semakin mekanisasi, materialistik dan jurang antara kemiskinan serta kekayaan semakin lebar. Rujuk "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 391, 401-402, 482 dan 490-491.

[37] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 477-478.

[38] Liang Shuming menjelaskan bahawa kecenderungan kebudayaan India giat dalam keagamaan disebabkan faktor geografi India yang kaya dengan pelbagai sumber alam, justeru tidak mendorong orang India berkeinginan menakluki alam tabii. Rujuk "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat serta Falsafahnya), *LSQ*, 1: 440.

Selanjutnya, Liang Shuming telah menegaskan bahawa kebudayaan Timur tidak mempunyai sebarang kekurangan mahupun tidak setanding kebudayaan Barat, sebaliknya segala kemunduran dan kegentingan yang melingkungi China, beliau berpendapat bahawa:

> Penghasilan kebudayaan tidak terkecuali merupakan ciptaan genius-genius. Bagi saya, genius China kuno lebih handal daripada genius Barat kuno. ... ... justeru menerajui kita ke haluan kehidupan jenis kedua [tekad minda yang bersifat harmoni dan kesederhanaan] ... ... tidak kira betapa bijaksananya generasi terkemudian, mereka tidak dapat terkeluar daripada lingkungan genius tersebut; dan hala tuju kebudayaan tidak akan berubah.[39]
> Kebudayaan Timur *per se* tiada baik ataupun buruk, mahupun mana-mana aspek yang tidak seunggul Barat; segala yang buruk atau salah, segala yang tidak setanding [Barat], disebabkan jejak langkah yang amat tidak kemas, matang terlalu awal, tidak sesuai pada waktunya.[40]

Petikan di atas menunjukkan bahawa kematangan kebudayaan yang terlalu awal dan arah tekad minda telah menentukan corak serta masa depan kebudayaan Timur. Logik Liang Shuming berfikiran begitu berkait rapat dengan ideanya yang dikenali sebagai "Idea Tri-Tempoh Kebudayaan". Beliau menggambarkan bahawa:



Rajah 2 Idea Tri-Tempoh Kebudayaan

Dengan berpandukan perikatan menyaling antara tekad minda, tiga jenis haluan kehidupan dan kelebihan-kelebihan ketiga-tiga kebudayaan tersebut, idea kebudayaan Liang Shuming mencapai kemuncaknya dengan penyaranan "Idea Tri-Tempoh Kebudayaan"yang menjelaskan bahawa pada titik permulaan peradaban, manusia akan mengikuti haluan kehidupan jenis pertama, yakni menakluki alam semula jadi demi menyelesaikan keperluan asas. Orang Barat yang berazam tinggi

[39] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 481.
[40] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 529.

telah meneruskan haluan tersebut; sebaliknya orang Cina dan India masing-masing telah berbelok ke haluan jenis kedua serta ketiga sebelum sempat menghabiskan perjalanan haluan pertama.[41]

Seterusnya, beliau telah mengkategorikan ketiga-tiga haluan kebudayaan tersebut kepada tri-tempoh, iaitu tiap-tiap kebudayaan tersebut akan mengecapi tahap kegemilangan mengikut urutan yang didahului Barat, diikuti Cina dan kemudiannya India.[42] Dalam erti kata lain, keunggulan sesuatu kebudayaan akan menjadi tonjol sekali dalam peringkat tri-tempoh yang tertentu. Kerasionalan pembentukan "Idea Tri-Tempoh Kebudayaan" berasaskan faktor bahawa dalam setiap tempoh berperingkat itu, manusia perlu berdepanan suatu permasalahan major seperti berikut:



Rajah 3 Permasalahan yang dihadapi dalam setiap tri-tempoh

Sebelum ini, Liang Shuming telah menyatakan bahawa hanya orang Barat yang mampu meneruskan haluan pertama dengan tekad minda yang progresif dan berjaya menangani permasalahan tri-tempoh pertama. Kejayaan yang sinar-menyinar itu telah melitupi kebudayaan Cina dan India. Namun, beliau teguh-teguh berpendapat kegemilangan kebudayaan Barat akan menemui garis penamat dan akan merenung semula haluan mereka. Lebih-lebih lagi, kebudayaan Cina dan India yang terlebih

[41] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 526.
[42] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 526-527

dahulu menjangkakan kebuntuan haluan pertama telah meninggalkan haluan pertama sejak awal-awal lagi.

Dengan itu, Liang Shuming berkeyakinan dengan kelusuhan kebudayaan Barat, kita akan menyaksikan kebangkitan dan kerlipan kebudayaan Cina.[43] Lantas, beliau mengesyorkan haluan orang Cina kelak adalah seperti berikut:

> Pertama, mesti menolak sikap orang India, tiada toleransi dalam hal ini.
> Kedua, menerima secara keseluruhan kebudayaan Barat, tetapi mengubah dari pangkalnya, yakni perlu mengubah sikapnya [Barat].
> Ketiga, memaparkan semula sikap orang Cina yang sebenar.[44]

Penerimaan kebudayaan Barat yang dimaksudkannya adalah meresapi semangat sains dan demokrasi ke dalam tekad minda kebudayaan Cina supaya dapat menyinar semula secara keseluruhannya. Selain itu, logik yang tersirat di sebalik keyakinan beliau terhadap ketibaan kegemilangan kebudayaan Cina adalah disebabkan beliau mendapati bahawa inti pati Konfusianisme mengandungi dua elemen penting iaitu unsur "kekerasan" dan "kelembutan".[45] Elemen "kekerasan" pada tahap tertentu menyerupai semangat progresif Barat, manakala unsur "kelembutan" merupakan sifat yang mudah puas hati serta harmoni, dengan kedua-dua elemen itu bersebati dan saling melengkapi, kebudayaan Cina di samping cergas memperbaiki nikmat kebendaan manusia, turut mengejar nilai-nilai murni dan personaliti manusia yang ideal. Dengan itu, beliau berpendapat bahawa haluan kebudayaan Cina adalah paling sesuai untuk manusia sejagat.

---

[43] Sungguhpun begitu, beliau tidak begitu optimis terhadap kehadiran tri-tempoh ke-3, yakni kebangkitan kebudayaan India buat masa kini kerana kehadirannya memerlukan sebuah masyarakat yang tidak perlu risau tentang mata pencarian dan keperluan materialistik. Rujuk "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 527-528.
[44] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 528.
[45] "Dongxi Wenhua Jiqi Zhexue" (Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya), *LSQ*, 1: 538-539.

4.4 Ketegangan Kebudayaan: Antara Barat dan Timur

Menyusuli semula pemikiran kebudayaan Liang Shuming, didapati bahawa beliau telah mempersonifikasikan konsep tekad minda umpama manusia yang menghala ke tuju yang berlainan. Baginya, kehidupan ataupun kebudayaan merupakan suatu makrokosme (*macrocosm*), yakni manifestasi mikrokosme (*microcosm*), iaitu haluan tekad minda sesuatu kaum. Pendekatan sebegitu merupakan idea yang menarik kerana beliau cuba menerangkan semangat asas serta menonjolkan keistimewaan-keistimewaan kebudayaan sesuatu kaum. Dengan pandangan tersebut, beliau secara tidak langsung telah menafikan teori evolusi kebudayaan unilinear anthropologi.[46]

Tambahan lagi, Liang Shuming menyimpulkan bahawa penghasilan dan pembentukan corak kebudayaan yang berbeza disebabkan oleh tekad minda. Namun, pandangan begitu terlalu bercirikan voluntarisme dan masih tidak mampu menjelaskan asal usul wujudnya kebudayaan. Pada hakikinya, tekad minda bukan penentu mutlak haluan manusia, sebaliknya pembentukan kebudayaan tertakluk kepada amalan dan pertimbangan manusia. Oleh itu, tekad minda tidak seharusnya dijadikan satu-satunya faktor penentu kebudayaan manusia.[47]

Sungguhpun begitu, peninjauan Liang Shuming dapat dikatakan baru jika berbanding dengan intelektual-intelektual Cina sezaman kerana kebanyakan

---

[46] Merujuk kepada teori Edward B. Tylor (1832-1917), seorang ahli anthropologi terkemuka British, kebudayaan akan berevolusi melalui peringkat-peringkat, yakni daripada "keadaan liar" (*savagery*) kepada suatu peradaban. Proses-proses tersebut adalah perkembangan selari bagi mana-mana kebudayaan di dunia ini. Lihat Edward Burnett Tylor, *The Origins of Culture* (New York: Harper & Row, Publishers, 1958), hlm. 26-27; Lowell D. Holmes, *Anthropology: An Introduction*, hlm. 44-45. Bagi mendalami susur galur terbentuknya teori evolusi kebudayaan, sila rujuk Chris Jenks, *Culture* (London: Routledge, 1995), hlm. 29-34.

[47] Zheng Dahua, *Liang Shuming Zhuan* (Biografi Liang Shuming) (Beijing: Renmin Chubanshe, 2001), hlm. 76.

daripadanya hanya senantiasa ingin mencari "kebenaran" daripada idea-idea Barat supaya dapat menyelamatkan China.[48] Sebaliknya, beliau selain daripada tidak menafikan keunggulan Barat tetapi turut memandang tinggi kebudayaan Timur. Dengan menyangkal idea universalisme kebudayaan, Liang Shuming lebih menitikberatkan kewujudan fenomena pluralisme kebudayaan. Malah, penelitian dan pengelasan kebudayaan Liang Shuming mirip kepada Ruth Benedict (1887-1948), seorang ahli anthropologi kebudayaan terkenal Amerika yang berpandangan seperti berikut perihal kebudayaan:

> Suatu kebudayaan, seperti seorang individu, mempunyai corak pemikiran dan tingkah laku tertentu. Dalam setiap kebudayaan, pastinya terdapat matlamat tertentu yang tidak perlu dikongsi bersama oleh masyarakat lain. ... ... Kita hanya dapat memahami corak tingkah laku yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat sekiranya terlebih dahulu mengerti motif utama emosi dan rasional masyarakat itu.[49]

Walaupun Liang Shuming tidak menafikan kepelbagaian kebudayaan wujud dalam suatu masa yang sama dengan menyarankan tiga jenis haluan kebudayaan, iaitu Barat, Cina dan India, namun pandangan itu akhirnya akan berwajah teori kebudayaan yang relativisme di mana lenyapnya kayu ukur. Ini bererti secara teorinya, ketiga-tiga kebudayaan itu tiada mana-mana pihak yang lebih unggul, tetapi dalam realiti sebenar

---

[48] Konsep modeniti yang berasal daripada gerakan Pencerahan Eropah (*Enlightenment*) pada abad ke-18 dan ke-19 telah mendominasi perbincangan intelektual-intelektual Cina sejak 150 tahun dahulu. Tambahan pula, mod pemikiran utama yang menglingkari minda kebanyakan intelektual ketika itu ialah fahaman dualistik—Barat lawan China dan modeniti lawan tradisi. Mereka mempercayai bahawa China turut perlu melalui proses-proses evolusi supaya dapat mengecapi modeniti seperti Barat. Lihat Min Lin, *The Search for Modernity: Chinese Intellectuals and Cultural Discourse in the post-Mao Era* (New York: St. Martin's Press, 1999), hlm. 185-186 dan 201-202; Jing Haifeng dan Li Yeming, *Liang Shuming Pingzhuan* (Biografi dan Kritikan Terhadap Liang Shuming), hlm 61.

[49] Ruth Benedict, *Patterns of Culture* (London: Routledge & Kegan Paul Ltd., 1935), hlm. 33; Lowell D. Holmes, *Anthropology: An Introduction*, hlm. 52. *Patterns of Culture* memaparkan kajian Ruth Benedict terhadap penduduk asli Amerika. Beliau telah mengklasifikasikan kebudayaan penduduk asli di barat daya Amerika sebagai jenis *Dionysian* dan *Appolonian*; manakala kebudayaan etnik Kwakiutl dan Dobuan sebagai jenis *megalomaniac* dan *paranoid*. Pendekatan kajian anthropologi yang diaplikasikan oleh beliau diistilahkan sebagai *configurationalism*, yakni beliau mengkaji sesuatu kebudayaan secara holistik, menganggapnya sebagai suatu sebatian organik dan mempercayai setiap kebudayaan mempunyai suatu tema utama yang akan menentukan corak istimewa kebudayaan itu, malah pada masa yang sama, corak tersebut turut merupakan sejenis personaliti. Dengan itu, idea Liang Shuming yang mengelaskan kebudayaan Barat, Cina dan India mengikut haluan tekad minda yang berlainan sedikit sebanyak mempunyai persamaan dengan pendekatan penyelidikan Ruth Benedict

sememangnya wujud ketidakseimbangan antara pencapaian kebudayaan-kebudayaan itu.

Selain itu, idea beliau yang mencadangkan orang Cina khususnya dan manusia sejagat secara amnya, harus mengadaptasi sikap orang Barat dengan berteraskan tekad minda kebudayaan Cina, sebenarnya merupakan suatu usaha "pengisaran" kebudayaan yang penuh kontradiksi dan bercanggah dengan kata-katanya selama ini yang membantah teori "pengisaran" kebudayaan. Malah, pandangan kebudayaan beliau itu tidak banyak berbeza daripada idea "Pembelajaran ilmu Cina sebagai prinsip asas, pembelajaran ilmu barat untuk kegunaan praktikal" (*zhongti xiyong*) yang telah lama tersemai dalam jiwa intelektual Cina sejak abad ke-19.[50]

"Saranan Hala Tuju Kebudayaan Barat dan Timur" turut memperlihat suatu kekurangan, iaitu amat menekankan saling kaitan tekad minda dan haluan kebudayaan. Bagi Liang Shuming, kebudayaan seolah-olah merupakan suatu entiti yang atomistik, iaitu tiada titik persilangan dengan kebudayaan lain, terus-menerus berkembang atas landasan tersendiri dan tertutup kepada sebarang pengaruh luaran.[51] Pandangan begitu telah mengabaikan kekompleksan, integrasi mahupun pertembungan kebudayaan yang telah ataupun bakal muncul. Kita perlu memahami bahawa di samping setiap kebudayaan mempunyai ciri-ciri khususnya, tidak seharusnya mengetepikan juga

[50] Fang Keli, *Xiandai Xinruxue yu Zhongguo Xiandaihua* (Neo-Konfusianisme Kontemporari dan Modenisasi China) (Tianjin. Tianjin Renmin Chubanshe, 1997), hlm. 298-299.

[51] Konsep kebudayaan yang atomistik (*cultural atomistic*) dikemukakan oleh R. G. Collingwood (1889-1943), seorang sejarahwan dan ahli falsafah British, dalam eseinya yang berjudul "Oswald Spengler and the Theory of Historical Cycles". Beliau mengkritik idea kebudayaan Spengler bersifat atomistik, iaitu setiap kebudayaan adalah entiti organik yang tertutup dalam batasan sendirinya, berbeza daripada kebudayaan lain secara keseluruhannya, bergerak mengikut suatu jenis atau corak tertentu tersendiri dan tidak akan berpeluang bersebati dengan kebudayaan lain. Lihat R. G. Collingwood, *Essays in the Philosophy of History* (Austin: University of Texas Press, 1965), hlm. 65-66.

bahawa sesuatu kebudayaan sedikit sebanyak turut akan dipengaruhi oleh arus perdana sejarah yang sentiasa berubah dan sering dipenuhi pancaroba.

Dengan kelemahan-kelemahan pada struktur dan logik yang nyata di sebalik idea kebudayaan Liang Shuming, beliau sememangnya tidak dapat dielakkan daripada kritikan-kritikan pihak lain yang mengatakan konsep haluan kebudayaannya terlalu umum dan dogmatik kerana cuba merangkumi ketiga-tiga sistem kebudayaan yang besar dalam suatu formula yang ringkas.[52] Jika diteliti, manusia secara amnya akan menghadapi cabaran memenuhi keperluan kebendaan, kerohanian dan persoalan hidup mati. Selain itu, manusia pada dasarnya tidak dapat menyelesaikan permasalahan tersebut satu demi satu dengan mengikut urutan haluan kebudayaan seperti yang digambarkan oleh Liang Shuming kerana cabaran-cabaran itu adalah saling menyirat dan berkaitan. Justeru, beliau secara tidak sengaja telah mengabaikan realiti bahawa faktor-faktor pembentukan kebudayaan adalah banyak, kompleks dan tidak dapat dirumuskan dengan mudah.

Sedangkan, konsep haluan kebudayaan dan "Idea Tri-Tempoh Kebudayaan" yang bersifat relativisme, iaitu kewujudan selari kebudayaan Barat, Cina dan India masing-masing mempunyai nilai berharga tersendiri dan tiada perbezaan kemajuan mahupun kemunduran antaranya, secara tidak langsung telah menampakkan suatu kontradiksi waktu kelangsungan kebudayaan-kebudayaan itu.[53] Kontradiksi tersebut merupakan suatu paradoks perihal waktu, di mana dalam idea haluan kebudayaan, ketiga-tiga jenis kebudayaan wujud dalam suatu ruang masa yang sama dan tiada mana-mana kebudayaan yang lebih prestij; tetapi dalam "Idea Tri-Tempoh

[52] Hu Shi, *Hu Shi Wencun* (Koleksi Karya-karya Hu Shi) (Taipei: Yuandong Tushu Gongsi, 1953), 2: 158-177.
[53] Zheng Dahua, *Liang Shuming Zhuan* (Biografi Liang Shuming), hlm. 79.

Kebudayaan", kewujudan dan perkembangan kebudayaan merupakan suatu kontinum, iaitu terdapat suatu urutan masa bagi ketiga-tiga kebudayaan itu mencapai tahap kegemilangannya dan prestij kebudayaan Cina lebih disanjung tinggi oleh Liang Shuming.

Kelemahan-kelemahan nyata yang wujud dalam idea kebudayaan Liang Shuming bagaikan miopia, di mana beliau tidak sedar tentang kecacatan-kecacatan tersebut dan kekurangan yang terdapat pada diri beliau. Jika diteliti, kekurangan tersebut disebabkan corak pemikiran dan jiwa beliau telah dipengaruhi kuat oleh milieu ketika itu. Dengan berada dalam situasi China yang rapuh lagi lemah pada abad ke-19 dan ke-20, beliau terasa nusa dan bangsanya sedang menghadapi krisis genting. Seperti generasi intelektual sebelum dan sezaman dengannya, beliau turut berpendapat demi membina semula China, keperluan mengubah mentaliti dan pandangan hidup orang Cina harus mendahului perubahan politik, ekonomi dan sosial yang merupakan suatu pendekatan yang bersifat "kebudayaan intelektualistik".[54] Dengan itu, Liang Shuming pada dasarnya telah menyetujui bahawa krisis China turut merupakan krisis kebudayaan Cina dan hanya melalui kesedaran diri untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan kebudayaan barulah China dapat diselamatkan.

Dengan tersiratnya jiwa begitu dalam diri Liang Shuming, beliau terjerumus dalam suatu dilemma. Ini bermakna realiti sebenar menyebabkan dirinya terpaksa mengakui bahawa kebudayaan Barat adalah lebih kuat dan maju daripada kebudayaan Cina, tetapi dalam lubuk jiwa beliau masih menganggap hanya kebudayaan Cina

[54] Lin Yu-sheng, *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Antitraditionalism in the May Fourth Era* (Madison: The University of Wisconsin Press, 1979), hlm. 26-27.

merupakan kebudayaan yang ideal dan sepatutnya disanjung tinggi.[55] Alhasil, "Idea Tri-Tempoh Kebudayaan"dikemukakan. Pemikiran beliau itu memaparkan salah satu perspektif penting mengenai kerisauan intelektual Cina terhadap krisis China selain daripada mereka yang ikonoklastik terhadap tradisi silam.

Keikhlasan Liang Shuming untuk menegakkan martabat kebudayaan Timur sememangnya tidak dapat dinafikan. Ini kerana ketika mengemukakan konsep haluan kebudayaan, beliau berhasrat menentang idea pembaratan yang membuta tuli dan menegaskan keistimewaan kebudayaan masing-masing supaya mengelakkan perbandingan samada maju mahupun mundur antara kebudayaan Barat, Cina dan India. Namun demikian, "Idea Tri-Tempoh Kebudayaan" turut terjerumus ke dalam model perkembangan kebudayaan yang unilinear dan menimbulkan percanggahan dalam teori diri beliau kerana mengikut pendapat konventional, urutan evolusi kebudayaan akan bermula dari Timur dan berakhir di Barat, manakala "Idea Tri-Tempoh Kebudayaan" menterbalikkan urutan tersebut dengan andaian bahawa tahap kebudayaan Timur lebih tinggi daripada Barat.

Berlandaskan penelitian di atas, dapat dikatakan bahawa falsafah kebudayaan Liang Shuming mengandungi elemen positif yang kuat mengangkat martabat kebudayaan Cina serta India. Namun, sebagai teori falsafah kebudayaan *per se*, ia hanya merupakan suatu hujahan yang konservatif dan utopian kerana tidak menunjukkan tanda-tanda keberlaksanaan teori kebudayaan beliau. Ketidaksempurnaan teori Liang Shuming turut disebabkan oleh kepercayaan bahawa perkara kebudayaan dan perubahannya merupakan suatu proses yang dapat dikawal

[55] Jing Haifeng dan Li Yeming, *Liang Shuming Pingzhuan* (Biografi dan Kritikan Terhadap Liang Shuming), hlm. 75-76.

dan wajar dibimbing oleh intelektual yang menemui jawapan sebenar bagi perkara tersebut.[56] Ini juga bererti pemikiran beliau telah dipengaruhi oleh peranan tradisi intelektual Cina selaku jurucakap perihal kesedaran sosial, pengulas kritis terhadap isu sosial, politik dan moral, pendukung serta pemaju nilai kebudayaan dan pengetahuan.[57]

Lanjutan daripada peninjauan terhadap kekurangan idea kebudayaan Liang Shuming dan faktor-faktor tersirat yang menyebabkan ketidaksempurnaan itu, didapati bahawa beliau benar-benar mengerti kewujudan sesuatu kaum adalah berasaskan kebudayaan. Maka, jika sesuatu kaum mengorbankan kebudayaan sendiri demi mengikuti jejak pembaratan, bukan sahaja tidak dapat memajukan diri sendiri malah mempercepat kemusnahan kaum tersebut. Dengan itu, beliau berpendirian teguh pada kebudayaan dirinya, yakni kebudayaan Cina dan berkeyakinan nusa bangsanya masih mempunyai harapan.

Kita harus mengakui bahawa keazaman dan tulus ikhlas beliau mengemukakan ideanya setelah lama membandul di antara kebudayaan Barat dan Timur telah menyentuh jiwa khalayak ramai, malah membuka jalan baru dalam merenung persoalan China di samping selari dengan pendekatan ikonoklastik yang jauh lebih mendapat tempat pada ketika itu. Justeru, jika kita menilai idea kebudayaan Liang Shuming dengan kayu ukur teori falsafah yang ketat, beliau bukan merupakan ahli falsafah yang profesional, tetapi usahanya memelihara identiti kebudayaan Cina

---

[56] Thomas A. Metzger, "Continuities between Modern and Premodern China: Some Neglected Methodological and Substantive Issues" dalam Paul A. Cohen dan Merle Goldman ed., *Ideas Across Cultures: Essays on Chinese Thought in Honor of Benjamin I. Schwarz* (Cambridge, Mass.: Council on East Asian Studies, Harvard University, 1990), hlm. 274.

[57] Min Lin, *The Search for Modernity: Chinese Intellectuals and Cultural Discourse in the post-Mao Era*, hlm. 188.

dalam suasana akademik persekitaran yang tidak memihak kepadanya mempunyai makna yang besar bagi zaman beliau dan generasi berikutnya.